

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1987/88

ATP 301: Perakaunan Pengurusan

Tarikh: 9 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari

(3 jam)

---

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. (a) Anda baru sahaja ditawarkan jawatan sebagai seorang Akauntan Pengurusan di sebuah firma pembuatan. Bagaimanakah anda melihat peranan anda di dalam usaha untuk mencapai objektif firma tersebut? Bagaimana pula tentang fungsi anda kalau dibandingkan dengan Akauntan Kewangan dan Pengarah Kewangan firma itu?

(13 markah)

- (b) Syarikat Kinos mengilang sejenis barang melalui satu jabatan dengan menggunakan sistem pengekosan proses. Pada 1 Disember 19X1, kerja berjalan berjumlah 1,000 unit, 40% siap, yang telah menanggung \$8,703 bahan langsung dan \$5,036 kos memproses. Di dalam bulan Disember, 8,200 unit telah siap dan dipindahkan ke stor. Pada 31 Disember 19X1, kerja berjalan berjumlah 800 unit, 20% siap.

Semua bahan langsung dimasukkan ke dalam proses pada permulaan proses. Sementara itu, kos memproses berlaku sama rata sepanjang proses. Bahan langsung yang dimasukkan ke dalam proses di dalam bulan Disember berjumlah \$72,000 manakala kos menukar ialah \$83,580.

...2/-

Dikehendaki

Dengan menggunakan andaian aliran MDKD, sediakan satu laporan kos pengeluaran Syarikat Kinos bagi bulan Disember 19X1.

(12 markah)

2. (a) Perihalkan dengan lengkap dua cara aliran pertukaran kos di dalam sesebuah firma pembuatan. Berikan contoh-contoh dan istilah kos bila berkenaan serta nyatakan kesan aliran tersebut kepada pelaporan kewangan.

(13 markah)

- (b) Berikut diberikan penyata pendapatan Syarikat Pekaka, sebuah firma membuat pen, bagi tahun berakhir 31 Disember 19X1:

Jualan	10,000,000
Tolak: Kos barang dijual	6,000,000
	-----
Margin kasar	4,000,000
	-----
Tolak: Belanja jualan dan tadbiran	3,100,000
	-----
	900,000
	=====

Kos tetap pengilangan Syarikat Pekaka berjumlah \$2.4 juta dan kos tetap jualan dan tadbiran ialah \$2.3 juta. Komisyen jualan sebanyak 3 peratus daripada hasil jualan termasuk di dalam belanja jualan dan tadbiran.

Syarikat Pekaka telah menjual 2 juta pen. Pada hujung tahun, Syarikat Penerbangan Pelangi, menawarkan untuk membeli 150,000 pen secara pesanan khas. Untuk memenuhi pesanan ini, klip yang berlogo khas harus diletakkan pada setiap pen. Walaupun Syarikat Pekaka masih mempunyai kapasiti pengeluaran, Pengurus Besar syarikat itu telah menolak tawaran pesanan khas yang berharga \$660,000 itu. Menurut beliau:

...3/-

"Tawaran Syarikat Penerbangan Pelangi itu terlalu rendah. Saya percaya yang kita harus meletak harga tidak kurang daripada 8 peratus melebihi kos penuh kita, yakni \$9,100,000 - 2,000,000 unit = \$4.55 campur 20 sen untuk kos satu klip dan tolak penjimatan daripada komisyen."

Dikehendaki

- (i) Dengan menggunakan konsep margin caruman dan menunjukkan analisis yang lengkap, nyatakan sama ada anda setuju atau tidak dengan keputusan pengurus besar itu.
- (ii) Berapa peratuskah pendapatan operasi meningkat atau mengurang jika pesanan itu diterima?

(12 markah)

3. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan piawaian sempurna dan piawaian praktikal? Terangkan perbezaan asas di antara kos piawai bahan langsung dan buruh langsung dengan kos piawai overhead kilang.

(13 markah)

- (b) Syarikat Ananda membuat hanya sejenis barang. Kos piawai seunit barangannya adalah seperti berikut:

Bahan langsung:	5 paun @ \$4	...	...	\$20.00
Buruh langsung:	3 jam @ \$6	...	...	18.00
Overhead kilang:	3 jam @ \$3	...	...	9.00
				-----
Jumlah kos piawai seunit		...	...	\$47.00
				=====

Kadar overhead kilang adalah berdasarkan volum biasa operasi 360,000 jam buruh setahun. Kos tetap overhead berjumlah \$360,000 setahun. Data pengeluaran dan kos bagi bulan April 19X1 adalah seperti berikut:

...4/-

Barangan dikeluarkan ...	...	...	10,500 unit
Bahan mentah digunakan ..	...	...	53,000 paun
Jam buruh digunkana ...	...	...	31,320 jam
Harga bahan mentah ...	...	...	\$4.04 sepaun
Kadar buruh langsung ...	...	...	\$6.08 sejam
Kos overhed ...	...	...	\$92,220

Dikehendaki

Kirakan varian-varian yang didapati daripada maklumat yang diberikan. Sarankan individu-individu tertentu yang anda fikirkan bertanggungjawab dan boleh menerangkan sebab berlakunya varian-varian itu.

(12 markah)

4. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan pendekatan margin caruman di dalam konteks meletak harga? Terangkan dengan ringkas model-model perletakan harga yang berdasarkan kos.

(13 markah)

- (b) Syarikat DNI adalah sebuah organisasi yang didesentralisasikan dengan enam bahagian yang berautonomi. Bahagian-bahagian syarikat itu dinilai berdasarkan pulangan yang diperolehi daripada aset yang dilabur. Bonus akhir tahun akan dibayar kepada pengurus bahagian yang mencapai pulangan atas pelaburan (PAP) yang tertinggi. Keputusan operasi Bahagian Kosmetik Syarikat itu bagi tahun yang baru berakhiran adalah seperti berikut:

Jualan ...	...	...	...	...	\$ 5,000,000
Tolak belanja boleh ubah	...	...	...	...	3,000,000
-----					-----
Margin caruman ...	...	...	...	...	\$ 2,000,000
Tolak belanja tetap	...	...	...	...	1,600,000
-----					-----
Pendapatan bersih operasi	...	...	...	\$	400,000
				=====	

...5/-

PAP keseluruhan syarikat bagi tahun lalu ialah 15 peratus. Bahagian Kosmetik berpeluang untuk menambah barisan barang yang memerlukan penambahan pelaburan ke atas aset operasi berjumlah \$500,000. Ciri kos dan hasil barisan barang baru itu adalah seperti berikut:

Jualan ...	...	...	...	\$1,000,000
Belanja boleh ubah	...	...	60%	dari pada jualan
Belanja tetap	...	...		\$320,000

Dikehendaki

- (i) Sebagai pengurus Bahagian Kosmetik, adakah anda akan menerima atau menolak peluang penambahan barisan barang baru itu? Terangkan dengan memberi pengiraan yang sewajarnya.
- (ii) Sebagai Pengarah Urusan Syarikat DNI, adakah anda mahu Bahagian Kosmetik menerima atau menolak barisan barang baru itu. Terangkan.
- (iii) Andaikan yang Syarikat DNI berpendapat bahawa pulangan 12% ke atas aset yang dilaburkan sebagai pulangan minimum yang harus diperolehi oleh sesuatu bahagian, dan Syarikat DNI menilai prestasi dengan pendekatan pendapatan lebih. Di dalam keadaan seperti ini, sebagai Pengurus Bahagian Kosmetik, adakah anda akan menerima atau menolak barisan barang-barangan baru itu? Terangkan dengan mengemukakan pengiraan sokongan.

(12 markah)

5. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan harga pindahan? Bincangkan beberapa kaedah yang boleh digunakan untuk meletak harga pindahan.

(13 markah)

- (b) Syarikat Matar sedang merancang keperluan tunainya bagi suku tahun 2 19X8. Selalunya syarikat itu perlu meminjam wang di dalam suku tahun 2 disebabkan oleh jualan yang meningkat sepanjang bulan Mei. Maklumat berikut telah dikumpulkan untuk menyediakan belanjawan tunai bagi suku tahun tersebut.

...6/-

- (i) Belanjawan penyata pendapatan bagi bulan April hingga Julai 19X8 ialah:

	<u>April</u>	<u>Mei</u>	<u>Jun</u>	<u>Julai</u>
Jualan	\$17,000	\$24,000	\$18,000	\$16,000
Kos barang dijual	10,200	14,400	10,800	9,600
	-----	-----	-----	-----
Margin kasar	\$ 6,800	\$ 9,600	\$ 7,200	\$ 6,400
Belanja Operasi:				
Jualan	\$ 2,300	\$ 3,000	\$ 2,400	\$ 2,200
Tadbiran	2,660	3,080	2,720	2,600
	-----	-----	-----	-----
Pendapatan bersih	\$ 1,840	\$ 3,520	\$ 2,080	\$ 1,600
	=====	=====	=====	=====

- (ii) Jualan adalah 20 peratus secara tunai dan 80 peratus secara kredit.
- (iii) Kutipan jualan kredit meliputi jangka masa tiga bulan pada nisbah 10 peratus, 70 peratus dan 20 peratus. Jualan Februari berjumlah \$14,000 manakala Mac \$15,000.
- (iv) 50 peratus daripada belian inventori dibayar di dalam bulan belian dilakukan. 50 peratus lagi dibayar dalam bulan yang berikutnya. Akaun belum bayar (bagi belian inventori) pada 31 Mac berjumlah \$4,650.
- (v) Syarikat Matar menetapkan inventorinya pada paras \$5,000 campur 25 peratus daripada kos barangniaga yang akan dijual di dalam bulan yang berikutnya. Inventori barangniaga pada 31 Mac berjumlah \$7,550.
- (vi) Dividen \$2,000 yang diistihar dalam bulan Mac akan dibayar dalam bulan April.
- (vii) Peralatan berkos \$5,000 yang diterima dalam bulan April akan dibayar melalui dua ansuran yang sama amaun, mulai bulan April.

...7/-

[ATP 301]

- (viii) Syarikat harus mempunyai baki tunai minimum \$5,000. Baki pada 31 Mac ialah \$5,155.
- (ix) Syarikat Matar boleh meminjam daripada banknya bila perlu. Setiap pinjaman dibuat pada kelompok amaun \$500. Setiap pinjaman yang diperlukan akan dibuat pada awal bulan dan pembayaran balik dilakukan pada akhir bulan. Kadar faedah pinjaman ialah 12 peratus setahun.

Dikehendaki

Sediakan satu belanjawan tunai bagi suku tahun 2, 19X8 seberapa lengkap yang mungkin.

(12 markah)

- ooo0ooo -